




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **139 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **55,539 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan iaitu di daerah Semporna. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 52 menjadikan jumlah kumulatif 54,411 orang. Seramai 632 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 285 orang di hospital dan 347 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 36 orang dan 12 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kunak berubah dari zon merah ke zon jingga, daerah Penampang bertukar dari zon jingga ke zon kuning, daerah Sandakan berubah dari zon jingga ke zon merah manakala daerah Pitas dan Sipitang bertukar dari zon hijau ke zon kuning.

- 4 Kerajaan Negeri **TIDAK MEMBENARKAN** sebarang majlis sosial di daerah yang dikuatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sebarang perlanggaran SOP akan dikenakan tindakan **KOMPAUN TANPA KOMPROMI**.
- 5 Pecahan daerah mengikut zon:
- Zon Merah lima (5) daerah
 - Zon Jingga lima (5) daerah
 - Zon Kuning 12 daerah
 - Zon Hijau lima (5) daerah

- 6 **Terdapat dua (2) kluster baharu** direkodkan hari ini.
- i Kluster Sim-Sim di Sandakan mempunyai jumlah kumulatif sebanyak 15 kes, setelah mencatat penambahan 14 kes pada hari ini. Kes indeks dikesan positif COVID-19 hasil saringan bergejala di sebuah klinik pada 04 April 2021. Berdasarkan penelitian, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan ketika menghadiri majlis sambutan hari jadi di Flat Sim Sim pada 03 April 2021. Daripada 20 ahli keluarga terdekat yang disaring, 14 orang disahkan positif COVID-19.
- ii Kluster Batu Lima Jalan Sibuga di Sandakan menokok satu (1) kes pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak lapan (8) kes. Kes indeks merupakan pelajar di salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang dikesan positif COVID-19 pada 30 Mac 2021 melalui saringan bergejala. Berdasarkan penelitian, jangkitan dipercayai menular dalam kalangan pelajar di kelas dan bilik asrama yang sama. Susulan kes itu, 91 pelajar dengan 39 kakitangan institusi berkenaan serta 13 petugas dewan makan telah disaring dan mendapati tujuh (7) orang disahkan positif COVID-19.
- 7 Daripada 139 kes positif COVID-19, sebanyak 49 kes (35.2%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 15 kes (10.8%) saringan bergejala, 71 kes (51.1%) dari kluster sedia ada serta empat (4) kes (2.9%) dari lain-lain kategori.
- 8 Jumlah kapasiti katil 3,787 unit
- Hospital 557 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,810 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
- Peratus penggunaan katil 16.69%.

B PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG GAYANG, TUARAN

- 1 Sehingga kini, KKM telah melakukan 38 ujian saringan dan daripada jumlah itu, secara kumulatifnya sebanyak lima (5) kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 2 KKM juga mengesahkan berlaku peningkatan kes secara mendadak dalam tempoh seminggu di lokaliti ini dengan kadar kebolehjangkitan adalah tinggi.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Gayang, Tuaran bermula 10 April sehingga 23 April 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat penularan jangkitan dari kawasan berisiko ke luar lokaliti ini serta membolehkan KKM melakukan ujian saringan secara bersasar ke atas semua penduduk.

C PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP), TAMAN PERMATA DAN TAMAN SERI LABUK, DAERAH SANDAKAN

- 1 Sehingga kini, KKM telah melakukan 88 ujian saringan di ILP dan daripada jumlah itu, secara kumulatifnya sebanyak tujuh (7) kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 2 KKM juga telah melaksanakan sembilan (9) ujian saringan di Taman Permata dan sebanyak lima (5) kes positif telah direkodkan manakala lima (5) kes juga dilaporkan di Taman Seri Labuk hasil daripada enam (6) ujian saringan
- 3 KKM mengesahkan berlaku peningkatan kes secara mendadak di ketiga-tiga lokaliti ini dengan kadar kebolehjangkitan adalah tinggi.

- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Institut Latihan Perindustrian (ILP), Taman Permata dan Taman Seri Labuk, daerah Sandakan bermula 10 April sehingga 23 April 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini adalah untuk membolehkan KKM melaksanakan ujian secara bersasar serta menyekat penularan kes di ketiga-tiga lokaliti ini.

D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini, seramai **891** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **47,569** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **2,181** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **39,606** orang.
- 3 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **5,215** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **390,638** (mysejahtera 364,314 : laman web 26,118 : talian vaksinasi 206) bersamaan 13.3%.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Sejumlah **297,526** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 41 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 15,676 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 34 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 74 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak lima (5) kompaun dikeluarkan Polis Kontinjen Sabah kerana melanggar SOP COVID-19.
 - Kudat : tiga (3) orang
 - Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran
 - Kota Marudu : satu (1) orang
 - Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran
 - Tawau : satu (1) orang
 - Tiada penjaraikan sosial
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 69 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 31 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada kompaun dan tiga (3) tangkapan dibuat iaitu dua (2) kes di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002 serta satu (1) kes di bawah Akta Pengawalan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 378 lokasi melibatkan seramai 170 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukrelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 118 anggota di 107 lokasi.

- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan lima (5) buah daerah iaitu Sook, Keningau, Kinabatangan, Lahad Datu dan Sandakan.
- 7 Sejumlah 20 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **97.1%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98%
2	Sipitang	98%
3	Tenom	98%
4	Kota Marudu	98%
5	Beluran	98%
6	Beaufort	97.5%
7	Kudat	97.5%
8	Keningau	97.5%
9	Papar	97%
10	Penampang	97%
11	Tuaran	97%
12	Ranau	97%
13	Kunak	97%
14	Kinabatangan	97%
15	Kota Kinabalu	97%
16	Lahad Datu	96.5%
17	Kota Belud	96.5%
18	Sandakan	96%
19	Tawau	96%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
09 APRIL 2021**